

Penyampai : TAN SRI DATO SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID  
Tajuk : MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN FRANCAISI-FRANCAISOR BIL. 2/92  
Lokasi :  
Tarikh : 10-08-1993

Saya bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah dan kurniaNya, kita dapat bersama-sama pada pagi ini menghadiri Majlis Menandatangani Perjanjian Francaisi-Francaisor di bawah Program Pembangunan Francais.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Unit Penyelarasan Pelaksanaan kerana telah sudi menjemput saya untuk menyampaikan ucapan dan seterusnya menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Francaisi-Francaisor ini. I would like to take this opportunity to express my appreciation and grateful thanks to Mr. William Graham, Managing Director, Equatron (M) Sdn. Bhd., Tuan Hj. Azmi b. Abdul Wahab, Managing Director, Edaran Otomobil Nasional Berhad and En. Muzafar b. Abd. Rahman, Operations Manager for Malaysia, Kodak (M) Sdn. Bhd., for their support in the implementation of the Franchise Development Programme undertaken by the Government.

Sukacita saya memaklumkan bahawa sejak Program Pembangunan Francais ini dilaksanakan hampir setahun yang lalu, lebih dari 2000 orang telah membuat pertanyaan dan memohon untuk menyertai program ini. Setelah dibuat tapisan, hanya seramai 93 orang yang telah diperakukan.

Dari jumlah tersebut, 7 orang francaisi telah memulakan operasi perniagaan masing-masing iaitu 5 orang francaisi bagi Francais Cetak Segera 'PRINT MAESTRO' dan 2 orang francaisi 'LAZARIA'. Sementara itu, 13 orang bakal francaisi akan memulakan perniagaan mereka menjelang akhir tahun 1993 ini. Hanya sebilangan kecil sahaja francaisi yang telah berjaya melalui proses tapisan yang rapi. Proses tapisan yang rapi ini bukanlah sengaja diada-adakan sebagai satu 'stumbling block' tetapi semata-mata bertujuan untuk menentukan bahawa hanya calon-calon yang benar-benar komited dan memenuhi ciri-ciri yang ditetapkan sahaja yang dipilih. Kita sedar bukan semua individu boleh menjadi usahawan dan bukan semua usahawan boleh menjadi francaisi yang berjaya. Apa yang lebih penting adalah kualiti dan bukannya kuantiti semata-mata.

Pada pagi ini, seramai 9 orang lagi francaisi akan menandatangani perjanjian dengan pihak francaisor masing-masing iaitu 4 orang francaisi 'KODAK EXPRESS', 4 orang francaisi 'EON FRANCHISE SERVICE DEALER' dan 1 orang francaisi 'PRINT MAESTRO'. Kepada francaisi-francaisi ini saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas dan semoga hari ini akan merintis satu era baru kepada saudara-saudara di dalam menghadapi suasana perniagaan yang lebih mencabar di masa hadapan. Saudara-saudara merupakan kumpulan bakal francaisi yang terbaik yang telah dipilih melalui proses tapisan yang begitu rapi.

Perniagaan barangan samada dalam bentuk produk atau perkhidmatan melalui sistem francais adalah merupakan 'the wave of the future'. Kebanyakan pengguna atau pembeli mementingkan jualan produk dan perkhidmatan yang berkualiti, 'convenient' dan dapat memenuhi kehendak mereka. Perniagaan francais dapat memenuhi keperluan ini. Perniagaan francais diasaskan kepada satu perniagaan yang terbukti telah berjaya. Setiap francaisor telah mengujudkan satu sistem dan tatacara bagaimana hendak menjalankan sesuatu perniagaan yang boleh digunapakai oleh francaisi. In fact franchising offers the prospective franchisees the freedom to own, manage and direct their own business. However, as with any freedom, there are responsibilities. In franchising, these responsibilities have to do with the franchisee's commitments and obligations to the franchisor. The franchisor is the one who owns the right to the name or trademark of the business. The franchisee is the one who purchases the right to use the trademark and system of business of the franchisor. Francaisor yang ingin francaiskan perniagaan mereka perlu mempunyai a proven product or service for the specific market, have a good business track record, have the desire to expand, financially strong and have a duplicable method of doing business. The franchisee in order to join the franchise business should be able to show their high motivational spirit and commitment, has enough financial resources and the willingness to follow the predetermined system of doing business.

Dengan yang demikian bolehlah dikatakan bahawa franchising adalah seperti satu perkahwinan dimana franchisor dan franchisee mempunyai tanggungjawab dan komitmen masing-masing yang perlu ditunaikan.

Tidak syak lagi bahawa melalui sistem francais 'a new breed of entrepreneurs' sama ada franchisor ataupun franchisee akan dapat diwujudkan. Tambahan pula dengan penyertaan Kerajaan sebagai fasilitator kepada Program Pembangunan Francais maka saya yakin a higher level of Malaysian Incorporated boleh dicapai dengan kerjasama erat di antara tiga pihak iaitu franchisor, franchisee dan agensi Kerajaan. Kerjasama dan persefahaman yang erat ini merupakan kriteria asas yang penting bagi pencapaian falsafah WIN/WIN dalam dunia perniagaan dan pembangunan negara. Kejayaan ini seterusnya adalah amat penting dalam pencapaian WAWASAN 2020 iaitu satu negara Malaysia yang maju dalam semua segi.

Disini saya ingin mengumumkan bahawa Kerajaan dengan kerjasama semua franchisor dan franchisee yang ada di negara ini serta The International Franchise Association akan menganjurkan satu konvensyen mengenai francais pada awal tahun 1994. Konvensyen yang julung-julung kali diadakan di negara ini akan dirasmikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri.

Akhirnya, marilah kita berdoa agar usaha kita ini diberkati Allah s.w.t dan kepada para franchisor dan franchisee, semoga mencapai kejayaan yang cemerlang dalam perniagaan masing-masing.